**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : NASIONAL**



*Khairy ketika melawat tapak pembinaan bangunan tambahan di Hospital Port Dickson, semalam.* (Foto BERNAMA)

Penularan COVID-19

# Khairy syor bahas isu MySejahtera di Dewan Negara

## Terdapat banyak pertikaian mengenai aplikasi, boleh timbul salah faham

Oleh Nor Azizah Mokhtar, Mohd Amin Jalil dan Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

**Port Dickson:** Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin meminta Yang Dipertua Dewan Negara untuk membenarkan usul mengenai isu MySejahtera dibahas dalam sidang Dewan Negara, esok.

Khairy berkata, ia susulan terdapat banyak pertikaian mengenai aplikasi berkenaan yang boleh menimbulkan salah faham.

"Saya minta Yang Dipertua Dewan Negara (Tan Sri Dr Rais Yatim) benarkan satu usul berkenaan MySejahtera untuk dibahas Khamis ini yang akan dijawab oleh saya.

"Tiada apa-apa yang saya mahu sembunyikan. Mungkin mereka yang tak tahu tentang benda ini dan tak baca sepenuhnya isu itu terus bangkitkannya," katanya kepada media selepas melakukan lawatan kerja di Hospital Port Dickson, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan yang meminta kerajaan menjelaskan dakwaan pembabitan MySJ Sdn Bhd dalam pengambilalihan aplikasi MySejahtera.

Khairy berkata, adalah lebih baik ia dijawab dalam sidang Dewan Negara kerana memahami kebimbangan masyarakat yang data peribadi mereka disalah guna.

Terdahulu, Mohamad dalam kenyataannya berkata, kerajaan wajar memutuskan rasional pendaftaran melalui MySejahtera dan kewajipan mengaktifkan MySJTrace apabila Malaysia memasuki fasa endemik.

Beliau berkata, rakyat Malaysia tidak boleh selamanya dibebani dengan mekanisme 'surveillance' (pengawasan) yang secara langsung mencerobohi privasi dalam pergerakan dan kehidupan seharian mereka.

"Tentukanlah tempoh sebelum semua ini boleh kita hentikan, demi normalisasi kehidupan rakyat Malaysia sama seperti sebelum pandemik.

"Ketelusan dalam semua perkara ini adalah sangat penting dalam mengukuhkan keyakinan rakyat tentang pelan kerajaan dalam melebarkan aplikasi MySejahtera daripada fungsi asalnya," katanya.

Beliau berkata, aplikasi MySejahtera dibangunkan oleh kerajaan Malaysia bagi tujuan pengawasan penularan wabak COVID-19 adalah aplikasi yang sangat membantu dan bermanfaat.

"Namun laporan pelantikan entiti persendirian, MySJ Sdn Bhd sebagai syarikat yang akan menguruskan aplikasi MySejahtera untuk fasa seterusnya adalah sesuatu yang membimbangkan.

"Walaupun KKM sudah pun memberikan penjelasan, ada beberapa kekeliruan yang wajar dijelaskan," katanya.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pula menggesa agar satu siasatan terbuka dibuat berkaitan isu aplikasi MySejahtera yang didakwanya dikendalikan sebuah syarikat berpangkalan di Singapura.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, berkata perkara berkenaan juga perlu dibahaskan di Parlimen.

"MySejahtera ini satu perkara yang serius kerana syarikat yang diberikan tanggungjawab pemegang lesen itu berpangkalan di Singapura, yang diberi ruang untuk menyelenggara semua maklumat rakyat di Malaysia.

"Jadi, saya fikir satu siasatan terbuka perlu dibuat dan mesti dibahaskan di Parlimen. Kita tidak mahu perkara ini dijawab lebih kurang dan mengatakan ia soal teknikal," katanya.

## Kanak-kanak disyor segera ambil vaksin

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyorkan kanak-kanak yang belum divaksinasi, segera mendapatkan vaksin susulan peningkatan 160 peratus kes COVID-19 membabitkan golongan itu yang dimasukkan ke hospital tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata kanak-kanak yang belum mendapatkan vaksin diminta berbuat demikian menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) sebelum negara beralih ke fasa peralihan ke endemik, mulai 1 April.

Katanya, langkah itu bagi memastikan kanak-kanak berusia lima hingga bawah 12 tahun mendapat perlindungan daripada jangkitan teruk dan komplikasi COVID-19.

Beliau berkata, ada ibu bapa menganggap ketika fasa peralihan ini, kanak-kanak dalam lingkungan umur berkenaan tidak perlu lagi diberi vaksinasi, namun pada hakikatnya, terdapat peningkatan 160 peratus bilangan kes COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital pada tahun ini.

"Ibu bapa diminta mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan pautan janji temu atau membawa anak berusia lima hingga bawah 12 tahun secara 'walk-in' ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang telah diberitahu sebelum ini.

"Pilihlah untuk vaksinkan anak kerana manfaatnya lebih besar daripada risiko mendapat kesan sampingan vaksin," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Azmi berkata, ibu bapa yang membawa anak mereka ke PPV COVID-19 pada hari bekerja akan diberikan surat pengesahan kehadiran *(time-slip)* yang membuktikan mereka membawa anak untuk divaksin.

Justeru, beliau berharap majikan sektor kerajaan dan swasta memberi kerjasama dalam hal itu.

Kelmarin, seramai 1,315,497 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun atau 37.1 peratus populasi itu di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin COVID-19 menerusi PICKids.

BERNAMA

**AKHBAR** : HARIAN METRO
**MUKA SURAT** : 2
**RUANGAN** : LOKAL

PENANGAN FASA AKHIR MONSUN TIMUR LAUT

# Sakit cuaca panas meningkat!

Oleh Suzalina Halid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mengakui berlaku peningkatan ketara membabitkan rujukan kes kesihatan dan rawatan di klinik swasta akibat cuaca panas berlaku ketika ini.

Presidennya, Dr Koh Kar Chai berkata, kebanyakan golongan terjejas kesihatan akibat keadaan semasa itu terdiri daripada golongan berisiko tinggi iaitu warga emas dan kanak-kanak.

Beliau berkata, kebanyakan kes kesihatan yang diterima pihak klinik adalah membabitkan masalah demam, sakit kepala dan dehidrasi.

"Masalah cuaca panas ini tidak boleh dipandang ringan kerana di luar negara ia boleh membabitkan kes maut akibat strok haba.

"Justeru, kita menasihatkan sesiapa yang mempunyai simptom kekurangan air seperti sakit kepala, pening dan rasa bingung untuk segera mendapatkan rawatan di klinik," katanya.

*Masalah cuaca panas ini tidak boleh dipandang ringan kerana di luar negara ia boleh membabitkan kes maut akibat strok haba"*

Dr Koh Kar Choi



METMalaysia menjelaskan negara berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut menyebabkan fenomena peningkatan suhu mendadak dijangka berterusan sehingga bulan depan. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjelaskan negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut, sekali gus menyebabkan fenomena peningkatan suhu mendadak yang dijangka berterusan sehingga bulan depan.

MetMalaysia mendapati dalam tempoh itu taburan hujan agak rendah di Semenanjung Malaysia terutama di utara Semenanjung.

Pada masa sama, Dr Koh berkata, golongan berisiko tinggi dinasihatkan supaya mengurangkan aktiviti di kawasan terbuka di luar selain banyakkan minum air.

Beliau berkata, mereka yang bertugas di lapangan diminta untuk banyakkan pengambilan air bagi mengelakkan masalah kekurangan air dalam badan.

# SC sekat 143 laman web pada 2021

Kuala Lumpur: Sebanyak 143 laman web yang didapati menjalankan aktiviti tidak berlesen, penipuan pelaburan termasuk menyalahgunakan nama dan logo Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) disekat sepanjang tahun lalu.

Malah SC turut mendapat bantuan pengendali Facebook Malaysia bagi menghalang akses ke atas 35 akaun Facebook mencurigai itu.

Pengarah Urusan SC, Foo Lee Mei berkata, pihaknya melaksanakan beberapa inisiatif membabitkan aktiviti antipenipuan termasuk menyekat laman web dan akaun Facebook sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, ia adalah langkah bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelabur termasuk mendidik mereka mengenai penipuan dalam skim pelaburan.

"Pendekatan lain adalah siasatan oleh pasukan petugas dalaman mengenai kes penipuan. Kami berjaya mengesan 45 akaun e-mel dan 22 sudah dirujuk untuk penyiasatan antipengubahan wang haram.

"Satu lagi aspek adalah program kesedaran pendidikan pelabur suruhanjaya itu yang dijalankan melalui media sosial dan siaran akhbar," katanya.

Beliau berkata, SC menyaksikan peningkatan jumlah pertanyaan yang diarahkan di jabatan aduannya.

"Berdasarkan laporan itu, jumlah pertanyaan meningkat kepada 3,464 pada tahun lalu berbanding 2,193 pada 2020.

"Ini mencerminkan bahawa lebih ramai pelabur cuba untuk mengetahui lebih lanjut mengenai skim pelaburan yang mereka sertai," katanya sempena dengan penerbitan Laporan Tahunan SC 2021, semalam.

Menurutnya, program kesedaran pendidikan pelabur turut dijalankan melalui media sosial dan siaran akhbar.

"Kami berharap akan ada lebih banyak skeptisisme pelabur, supaya mereka menyiasat atau menilai dahulu pelaburan diiklankan melalui media sosial. Ini memastikan mereka tidak terus terjerumus atau ditipu," katanya.

Sementara itu Pengerusi SC, Datuk Syed Zaid Albar berkata, pendekatan antipenipuan pelbagai sasaran ditubuhkan selepas menyaksikan peningkatan jumlah kes sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Aduan membabitkan skim tidak berlesen bertambah daripada 37 peratus pada 2020 kepada 52 peratus pada 2021," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : COVID-19**



IBU bapa diminta mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

# Meningkat 160% masuk hospital

## *KKM syor kanak-kanak segera divaksin sebelum 1 April*

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesyorkan supaya kanak-kanak yang belum mendapatkan vaksin agar berbuat demikian menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) dengan kadar segera sebelum negara beralih ke Fasa Peralihan ke Endemik mulai 1 April ini.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dalam satu kenyataan semalam berkata, langkah itu bagi memastikan kanak-kanak berusia lima hingga bawah 12 tahun mendapat perlindungan daripada jangkitan teruk dan komplikasi Covid-19.

Beliau berkata, terdapat dalam kalangan ibu bapa menganggap ketika fasa peralihan ini, kanak-kanak dalam lingkungan umur berkenaan tidak perlu lagi diberi vaksinasi namun pada hakikatnya, terdapat peningkatan 160 peratus bilangan kes Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital tahun ini.

"Ibu bapa diminta mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan pautan janji temu atau membawa anak lima hingga bawah 12 tahun secara *walk-in* ke pusat pemberian vaksin (PPV) yang sudah diberitahu sebelum ini.

"Pilihlah untuk vaksinkan anak kerana manfaatnya lebih besar daripada risiko mendapat kesan sampingan vaksin," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, ibu bapa yang membawa anak mereka ke PPV Covid-19 pada hari bekerja akan diberikan surat pengesahan kehadiran (*time-slip*) yang membuktikan mereka membawa anak untuk divaksin justeru, beliau berharap majikan sektor kerajaan dan swasta memberi kerjasama dalam hal itu.

Kelmarin, 1,315,497 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun atau 37.1 peratus populasi itu di Malaysia menerima dos pertama vaksin Covid-19 menerusi PICKids.

# *Angka jangkitan semakin menurun*

**Kuala Lumpur:** Malaysia merekodkan 13,336 kes baharu Covid-19, kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 4,152,203 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 189 kes daripada keseluruhan kes harian yang dilaporkan itu adalah kes import.

Beliau berkata, sebanyak 13,225 kes atau 99.17 peratus terdiri daripada pesakit positif kategori satu dan dua manakala 111 kes atau 0.83 peratus lagi pesakit kategori tiga hingga lima.

"Berdasarkan pecahan kes kategori tiga hingga lima, 29 kes tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, menerima dua dos vaksin (43 kes) dan sudah menerima dos penggalak (39 kes).

"Pesakit dalam kategori berkenaan adalah kalangan berusia 60 tahun ke atas (64 kes) dan mempunyai komorbid (60 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 25,552 kes pulih Covid-19 direkodkan, kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 3,896,489 kes iaitu 93.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau berkata, sebanyak 288 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) membabitkan 146 kes disahkan Covid-19 manakala 142 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

"Sebanyak 185 kes memerlukan bantuan pernafasan iaitu 90 kes disahkan Covid-19 dan 95 kes disyaki, kemungkinan serta dalam siasatan.

"Dalam pada itu, sebanyak dua kluster baharu dikesan menjadikan jumlah keseluruhan kluster meningkat kepada 6,929 dengan 217 kluster aktif," katanya.




# 54 kematian direkod kelmarin, Selangor catat korban tertinggi

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 15,668,773 individu dewasa atau 66.6 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, sejumlah 22,950,073 atau 97.5 peratus daripada populasi sama telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,226,244 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sebanyak 2,849,642 individu atau 91.6 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,946,672 atau 94.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, untuk populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sejumlah 1,315,497 individu atau 37.1 peratus kumpulan itu sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

Kelmarin, sebanyak 41,287 dos vaksin diberikan melibatkan 4,360 suntikan pertama, 1,684 suntikan lengkap dan 35,243 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini 68,745,333 dos.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 54 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Selangor merekodkan kematian tertinggi sebanyak 13 kes diikuti Perak (sembilan), Kuala Lumpur (lapan), Kedah dan Negeri Sembilan masing-masing lima kes.

Johor, Sarawak dan Terengganu pula masing-masing mencatat tiga kes, Kelantan dan Melaka masing-masing dua kes manakala Pulau Pinang satu kes.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 2**
**RUANGAN : NEGARA**

Ramai abai tanda-tanda awal, gagal amal gaya hidup sihat

# Anak muda sakit jantung meningkat

**NOR AZIHAN MD. GHAZALI**

**PETALING JAYA** – Serangan sakit jantung dikesan menjadi punca utama golongan lelaki muda menemui ajal secara mengejut yang antara lain disebabkan tekanan di tempat kerja dan masalah kewangan sejak negara dilanda wabak Covid-19.

Rata-rata anak muda berusia dalam lingkungan 30-an tidak menyedari mereka mempunyai penyakit itu kerana jarang melakukan pemeriksaan atau mengabaikan simptom awal yang berlaku pada diri masing-masing.

Dianggarkan lebih 18,500 kematian atau 17 peratus daripada 109,155 kes disebabkan oleh penyakit jantung pada 2020.

Doktor Pengamal Perubatan Am merangkap Ahli Jawatankuasa Pusat Pertubuhan Doktor Islam Malaysia, Dr. Zubaidi Ahmad berkata, kematian anak muda akibat penyakit jantung meningkat lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai tekanan kerja dan masalah kewangan.

Katanya, ramai anak muda dikesan mempunyai tanda-tanda penyakit jantung pada usia 35 tahun dan ia semakin meningkat selepas pandemik Covid-19 melanda negara.

"Jika pada usia begitu sudah ada tanda, tidak mustahil mereka boleh meninggal dunia sebelum mencapai umur 40 atau 45 tahun.

"Keadaan ini sangat membimbangkan kerana kebanyakan mereka sudah berkeluarga dan mempunyai anak-anak yang masih kecil," katanya kepada *Kosmo!*.



**DR. ZUBAIDI**

> Jika pada usia begitu sudah ada tanda, tidak mustahil mereka boleh meninggal dunia sebelum mencapai umur 40 atau 45 tahun."

Menurut Dr. Zubaidi, sebahagian mangsa yang meninggal dunia tidak menyedari mereka mempunyai masalah jantung ekoran tidak pernah membuat pemeriksaan.

Tambahnya, ada juga yang sedar, namun masih mengamalkan gaya hidup dan pemakanan tidak sihat seperti merokok, jarang bersenam dan sebagainya.

"Namun saya tidak menolak kemungkinan masalah kewangan dan tekanan kerja juga sebagai faktor terbesar kepada serangan jantung kerana banyak syarikat membuang pekerja serta beban tambahan terpaksa dipikul oleh mereka yang masih kekal," katanya.

Ujar Dr. Zabidi, bila tertekan, individu akan mula menghisap rokok, minum arak dan mengambil dadah atas alasan mahu melepaskan tekanan seketika.

"Ada juga yang makan berlebihan ketika dalam tekanan dan kesemua gaya hidup tidak sihat itu termasuk yang jarang bersenam akan menyebabkan seseorang terdedah kepada sakit jantung," katanya.

Dr. Zubaidi menambah, serangan jantung juga boleh disebabkan apabila seseorang itu membiarkan stres berlanjutan untuk tempoh jangka masa panjang dan lama.

"Stres akan meningkatkan hormon adrenalin dan kortisol yang menyebabkan degupan jantung menjadi laju, tekanan darah serta kandungan gula menjadi tinggi," katanya.

Ujar Dr. Zubaidi, dua hormon itu akan mengakibatkan individu yang ada masalah kolestrol terdedah kepada mendapan hingga menyebabkan saluran arteri sempit dan keras sekali gus menyumbang kepada sakit jantung.

Tambahnya, walaupun individu gempal sering dikaitkan dengan penyakit jantung tetapi orang kurus dan tidak mempunyai masalah berat badan juga boleh terkena serangan tersebut jika tidak mengamalkan hidup dan pemakanan yang sihat.



**SERANGAN jantung boleh berlaku kepada sesiapa sahaja walaupun aktif bersukan.** – GAMBAR HIASAN



**PEMERIKSAAN kesihatan boleh mengurangkan risiko seseorang itu terkena penyakit jantung.** – GAMBAR HIASAN

# Kaum lelaki lebih mudah terkena serangan sakit jantung iskemik

**PETALING JAYA** – Kaum lelaki merekodkan jumlah kematian paling tinggi disebabkan oleh penyakit jantung iskemik berbanding wanita.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, oleh sebab itu, penyakit jantung iskemik kekal sebagai faktor utama kematian penduduk negara ini.

Katanya, berdasarkan rekod pada 2019, sebanyak 12,707 (68.6 peratus) kematian kaum lelaki manakala 5,808 kes (wanita).

"Begitu juga dengan tahun 2020, sebanyak 19 peratus dicatatkan kaum lelaki, manakala 13.4 peratus pula kaum wanita," katanya.

Menurut Dr. Mohd. Uzir, selain jantung, empat lagi penyumbang kematian utama di negara ini adalah *pneumonia serebrovaskular*, kemalangan jalan raya dan *malignant neoplasm* (ketumbuhan dengan kanser) pada trakea, bronkus dan paru-paru.

Tambahnya, 15 peratus daripada 109,164 kematian berpunca daripada penyakit jantung iskemik yang disahkan secara perubatan pada 2019.

"Pada 2020, lebih 18,500 kematian atau 17 peratus daripada 109,155 kematian disebabkan oleh penyakit sama," katanya.

Ujar Dr. Mohd. Uzir, majoriti kematian akibat jantung melibatkan mereka yang berusia 41 tahun ke atas melibatkan kaum Bumiputera diikuti Cina dan India.

"Secara kesimpulan, penyakit jantung menjadi pembunuh utama sejak dua dekad lalu," katanya.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEGARA**

Jumlah kanak-kanak masuk hospital naik 160 peratus

# 'Ada ibu bapa anggap tak perlu vaksin'

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI



IBU bapa menemani anak masing-masing mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 di PPV IDCC Shah Alam baru-baru ini.

**PUTRAJAYA** – Ada dalam kalangan ibu bapa yang beranggapan, kanak-kanak lima hingga bawah 12 tahun tidak perlu lagi diberi vaksinasi semasa fasa peralihan ke endemik.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, hakikatnya terdapat peningkatan 160 peratus bilangan kes Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital pada tahun ini.

Katanya, sehubungan itu, bagi memastikan mereka mendapat perlindungan daripada jangkitan teruk Covid-19 dan komplikasinya, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyorkan supaya kanak-kanak yang belum divaksinasi untuk mendapatkan vaksin dengan segera.

Hal ini kerana, jelasnya, manfaat mengambil vaksin jauh lebih tinggi berbanding risiko mendapat kesan sampingan dan komplikasi.

"Ibu bapa yang membawa anak ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Covid-19 pada hari mereka bekerja akan diberikan surat pengesahan kehadiran yang membuktikan mereka membawa anak untuk vaksinasi.

"KKM berharap majikan-majikan sektor kerajaan dan swasta memberi kerjasama dalam membenarkan ibu bapa membawa anak untuk divaksinasi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, ibu bapa diminta mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan pautan janji temu atau membawa anak berusia lima hingga bawah 12 tahun secara *walk-in* ke PPV yang telah diuar-uarkan sebelum ini.

"Pilihlah untuk vaksin anak kerana manfaatnya lebih besar daripada risiko mendapat kesan sampingan vaksin," katanya.

Dalam pada itu, berdasarkan laman web *COVIDNOW*, sebanyak 15,668,773 individu dewasa atau 66.6 peratus daripada golongan itu sudah menerima dos penggalak setakat semalam.

Sebanyak 97.5 peratus atau 22,950,073 individu dewasa sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 23,226,244 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Seramai 2,849,642 individu atau 91.6 peratus golongan remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun pula sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 2,946,672 atau 94.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun, sejumlah 1,315,497 individu atau 37.1 peratus sudah menerima dos pertama vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

# Kes harian menurun menjelang 'endemik'

**PUTRAJAYA** – Menjelang dua hari sebelum negara memasuki fasa peralihan endemik bermula Jumaat ini, kes jangkitan Covid-19 mencatatkan penurunan dengan 13,336 kes dilaporkan kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 4,152,203.

Berdasarkan data *COVIDNOW*, daripada kes yang dilaporkan, "sebanyak 189 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Kesemua kes tersebut dilaporkan di Selangor (6,509 kes), Kuala Lumpur (1,317), Johor (856), Kedah (779), Pulau Pinang (640), Negeri Sembilan (488), Perak (482), Sarawak (470) dan Terengganu (418).

"Seterusnya, Pahang (413 kes), Kelantan (328), Melaka (309), Sabah (194), Perlis (52), Putrajaya (49) dan Labuan (32)," katanya semalam.

Dalam pada itu, sebanyak 54 kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 34,842 kes serta sebanyak 16 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID sebanyak 7,348.

Kematian tertinggi dilaporkan di Selangor dengan 13 kes menjadikan jumlah keseluruhan pesakit yang meninggal dunia kini mencecah 34,842.

Sebanyak 220,872 kes aktif dilaporkan melibatkan 214,723 kes dikuarantin di rumah, 873 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 4,988 kes di hospital, 103 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 185 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

Pada 8 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan, setelah mengambil kira pelbagai faktor, melakukan penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan serta meneliti syor Menteri Kuartet, negara akan memasuki Fasa 'Peralihan Ke Endemik' bermula 1 April 2022.

Beliau berkata, fasa 'Peralihan Ke Endemik' itu merupakan *exit strategy* untuk membolehkan rakyat kembali kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir dua tahun berperang dengan Covid-19.



NEGARA akan memasuki fasa peralihan endemik bermula Jumaat ini selepas sejumlah besar penduduk menerima vaksinasi lengkap serta dos penggalak. – GAMBAR HIASAN





PELANGGAN menikmati makan tengah hari di sebuah restoran di pusat beli-belah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

# 25,552 pesakit sembuh, 111 jangkitan baharu dalam kategori 3 hingga 5

**PUTRAJAYA** – Pesakit sembuh daripada jangkitan Covid-19 kelmarin mencatatkan sebanyak 25,552 kes, sekali gus melepasi jangkitan baharu dengan jumlah keseluruhan kumulatif kes sembuh sebanyak 3,896,489.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jangkitan baharu Covid-19 mencatatkan 13,336 kes dengan 111 kes melibatkan kategori 3, 4 dan 5.

Katanya, mengikut pecahan, kategori 1 sebanyak 6,885 kes (51.63 peratus), kategori 2 sebanyak 6,340 kes (47.54 peratus), kategori 3 sebanyak 43 kes (0.32 peratus), kategori 4 sebanyak 32 kes (0.24 peratus) dan kategori 5 dengan 36 kes (0.27 peratus).

"Daripada 111 kes yang berada dalam kategori 3, 4 dan 5, 29 kes (26.13 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 43 kes (0.32 peratus) telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak dan 39 kes (35.14 peratus) telah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 64 kes (57.66 peratus) berusia 60 tahun dan ke atas dan 60 kes (54.05 peratus) mempunyai komorbid," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebanyak 288 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 185 kes memerlukan bantuan pernafasan.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

## Kanak-kanak bawah 12 tahun disaran segera ambil vaksin - Dr Noor Azmi

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat peningkatan 160 peratus bilangan kes Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital pada tahun 2022.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, justeru ibu bapa disaran memastikan kanak-kanak 5 hingga bawah 12 tahun mendapatkan vaksin dengan kadar segera meskipun negara beralih ke fasa endemik bermula 1 April ini.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Menurutnya, pengambilan vaksinasi adalah sebagai perlindungan daripada jangkitan teruk Covid-19 dan komplikasinya, kerana manfaat vaksinasi jauh lebih tinggi berbanding risiko mendapat kesan sampingan dan komplikasi.

"Ada dalam kalangan ibu bapa menganggap semasa fasa peralihan ini kanak-kanak 5 hingga bawah 12 tahun tidak perlu lagi diberi vaksinasi.

"Pada hakikatnya, terdapat peningkatan 160 peratus bilangan kes Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital pada tahun 2022," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, ibu bapa yang membawa anak ke pusat pemberian vaksin (PPV) Covid-19 pada hari mereka bekerja akan diberikan surat pengesahan kehadiran (*time-slip*) yang membuktikan mereka membawa anak untuk vaksinasi.

"KKM berharap majikan-majikan sektor kerajaan dan swasta member kerjasama dalam membenarkan ibu bapa membawa anak untuk vaksinasi.

"Ibu bapa diminta mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan pautan janji temu atau membawa anak 5 hingga bawah 12 tahun secara *walk-in* ke PPV yang telah diuar-uarkan sebelum ini," kata beliau.

# Khairy minta isu MySejahtera dibahas pada Khamis ini

Ini kerana terdapat banyak pertikaian yang boleh menimbulkan salah faham

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

PORT DICKSON

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar meminta Yang Dipertua Dewan Negara untuk membenarkan satu usul berkenaan isu MySejahtera dibahas dalam sidang Dewan Negara Khamis ini.

Menurutnya, ini kerana terdapat banyak pertikaian mengenainya yang boleh menimbulkan salah faham.

